

‘Muhyiddin punca empat MP hilang kelayakan jika dipecat’

Kuala Lumpur: Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin ialah punca empat Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) hilang kelayakan, sekiranya mereka dipecat parti itu.

Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke mendedahkan Muhyiddin membantah klausa undang-undang berkaitan lompat parti sambil merujuk kepada keahliannya dipecat daripada UMNO.

“Beliau dipecat daripada UMNO kerana beliau kata beliau ‘lawan’ UMNO dan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).”

“Beliau (Muhyiddin) kata tidak adil perlu mengosongkan kerusi disebabkan dipecat daripada parti,” katanya semalam.

Loke yang juga Menteri Pengangkutan, berkata mesej Ahli Parlimen Pagoh itu disampaikan oleh Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainudin ketika perbincangan merangka undang-undang anti lompat parti pada 2022.

Muhyiddin dipecat daripada UMNO pada 2016 selepas ‘melawan’ Perdana Menteri yang juga

Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak berhubung skandal 1MDB.

BERSATU menuntut supaya Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 mengenai peruntukan Larangan Ahli Parlimen Bertukar Parti itu dipinda susulan tindakan empat ahli Parlimennya menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sementara itu Naib Ketua Sri-kandi BERSATU, Datuk Mas Ermieyati Samsudin, mengatakan punca parti itu menolak satu klausa dalam draf Akta Lompat Parti, dikatakan menjadi sebab BERSATU kini berdepan isu empat ahli Parlimen mengisytiharkan sokongan kepada Anwar.

Ahli Parlimen Masjid Tanah itu berkata, pada sesi libat urus pertama berhubung cadangan akta itu, Muhyiddin mempertikai klausa berkenaan, iaitu wakil rakyat yang ingkar dengan arahan dan pendirian pimpinan parti dianggap sebagai melompat parti.

Mas Ermieyati menjelaskan, Muhyiddin ketika itu merujuk kes dirinya tidak bersetuju dengan Najib ketika berada dalam parti berkenaan pada 2016, yang akhirnya menyebabkan beliau dipecat.

“Tan Sri (Muhyiddin) membangkitkan, jika kes seperti beliau ketika berada dalam parti lama (UMNO), bagaimana? Adakah ia dikira lompat parti? Beliau dipecat.”

“Ia tidak adil, dan keadaan itu menyebabkan BERSATU tidak bersetuju dengan klausa berkenaan, bukan kerana alasan lain,” katanya.

PN kini berdepan isu empat Ahli Parlimen mengisytiharkan sokongan kepada Anwar, atas alasan untuk kepentingan pengundi dan pembangunan di kawasan masing-masing.

Mereka ialah Zahari Kechik (Jeli); Mohd Azizi Abu Naim (Gua Musang), Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (Kuala Kangsar) dan Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman (Labuan), yang semuanya masih kekal bersama BERSATU.